



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	1/8/2019	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kota Tinggi

3 lelaki ditahan buru, bunuh babi hutan

Buru dan bunuh babi hutan secara haram hingga penuh muatan kenderaan pacuan empat roda dipandu.

Itu tindakan tiga lelaki tempatan yang ditahan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Johor selepas disyaki memburu hidupan liar di Hutan Simpan Kekal Panti, semalam.

Ketiga-tiga lelaki berusia 27 hingga 54 tahun itu ditahan jam 10 pagi, susulan pemeriksaan dilakukan terhadap sebuah pacuan empat roda.

Pengarah Perhilitan Negeri Johor, Salman Saaban berkata, hasil operasi bersepadu Projek Pemuliharaan Hidupan Liar Johor (JWCP) itu menemui guni berisi bahagian tubuh babi hutan yang sudah dilapah.